

## **Strategi Penulisan Naratif untuk Pelajar Menengah Atas Yang Berkemahiran Rendah dan Sederhana**

Lila Salleh  
lila\_salleh@moe.edu.sg

Mohamad Shalleh Suja'ee  
Noranika Murni Dol Karim  
Nur Maizurah Rosle

Sekolah Menengah Compassvale  
Pusat Bahasa Melayu Singapura

### **ABSTRAK**

Penulisan naratif yang baik merangkumi beberapa ciri. Para pelajar yang lemah dalam bahasa Melayu selalunya menghadapi kesukaran untuk menghasilkan satu penulisan naratif yang baik. Oleh itu, pasukan Kajian Pengajaran yang dibentuk bercadang untuk melakarkan strategi penulisan naratif bagi para pelajar menengah atas yang memiliki kemampuan bahasa yang rendah dan sederhana untuk mempersiapkan mereka bagi Kertas 1 Peperiksaan GCE Peringkat 'O'. Untuk mencapai matlamat tersebut, guru telah merujuk kepada pengalaman ketika menyemak kertas jawapan peperiksaan GCE peringkat 'O', pemerhatian semasa mengajar para pelajar tersebut dan perbincangan para guru tentang pelbagai idea yang telah dijalankan untuk mengajar karangan naratif di bilik darjah. Dapatan kajian menunjukkan kesan positif yang membantu golongan pelajar menghasilkan penulisan naratif yang lebih baik dan menepati jangkauan Band 1 untuk Peperiksaan GCE Peringkat O.

#### **Kata kunci:**

Kajian Pengajaran, Penulisan Naratif, Strategi, Kemahiran Rendah

### **PENGENALAN**

Dalam kalangan pelajar menengah atas, ramai yang gemar memilih penulisan naratif berbanding dengan penulisan deskriptif atau perbincangan. Mereka merasakan bahawa adalah lebih mudah untuk memahami tuntutan soalan naratif berbanding dengan dua jenis penulisan yang lain. Pelajar merasakan bahawa mereka telah diberikan banyak kesempatan untuk menghasilkan karangan naratif kerana penulisan naratif juga diberi tumpuan dalam kelas bahasa Inggeris.

Guru-guru memilih untuk memberi tumpuan kepada strategi penulisan naratif berbanding dengan penulisan perbincangan atau deskriptif kerana soalan naratif lebih popular dalam kalangan pelajar ketika Peperiksaan Peringkat 'O'. Malah, para pelajar daripada kumpulan sasaran juga yakin mereka boleh mendapat markah yang lebih baik jika mereka memilih penulisan naratif berbanding dengan jenis penulisan yang lain ketika peperiksaan. Mereka rasakan bahawa lebih mudah bagi mereka untuk memahami soalan naratif. Para pelajar juga mempunyai pengalaman dalam penulisan naratif kerana penulisan naratif juga disentuh dalam kelas-kelas bahasa Inggeris. Daripada hasil kerja pelajar, kami juga dapati bahawa pelajar selalunya memperolehi markah yang baik dalam penulisan naratif berbanding dengan soalan perbincangan atau deskriptif. Kami juga dapati bahawa penggunaan bahasa

mereka lemah untuk menghasilkan karangan perbincangan yang bermutu. Kosakata yang terbatas dan himpunan frasa-frasa deskriptif yang terhad pula menjadi hambatan bagi mereka untuk mendapat markah yang baik bagi penulisan deskriptif.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian Pengajaran ini dilaksanakan berdasarkan tujuan yang berikut:

1. melakarkan strategi penulisan naratif bagi para pelajar menengah atas yang berkemampuan rendah dan sederhana untuk mempersiapkan mereka bagi Kertas 1 Peperiksaan Peringkat 'O'.
2. menilai keberkesanan strategi yang digunakan dalam penulisan pendahuluan karangan

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Guru-guru mendapati melalui karangan naratif yang dihasilkan pelajar dalam latihan-latihan dan kertas peperiksaan, pelajar menengah atas selalunya memulakan karangan mereka dengan empat cara seperti yang diajar ketika di peringkat menengah bawah seperti penggunaan dialog, monolog, latar suasana dan gambaran perasaan. Namun, penggunaan dialog untuk memulakan karangan mereka selalunya tidak membantu dalam perkembangan cerita. Dialog yang diketengahkan oleh pelajar sebagai permulaan karangan mereka selalunya merupakan perbualan kosong di antara dua watak. Ini menyebabkan permulaan karangan mereka kurang menarik dan tidak berjaya untuk meninggalkan kesan dalam diri pembaca. Pengenalan seperti ini tidak menimbulkan perasaan ingin tahu dalam diri pembaca. Pelajar berkemahiran rendah dan sederhana yang paling terjejas dengan kelemahan ini. Penguasaan bahasa yang lemah, kosakata yang terhad dan kesukaran menjana idea yang menarik menjejaskan hasil penulisan mereka dari peringkat permulaan cerita lagi.

Oleh itu, guru-guru bercadang untuk melakarkan strategi penulisan naratif yang juga memberi tumpuan kepada pengenalan yang berkesan iaitu pengenalan menggunakan dialog yang memaparkan konflik di antara dua watak utama. Di dalam pengenalan ini, pelajar harus mengetengahkan tiga perkara untuk menimbulkan suspens iaitu peristiwa, benda dan orang. Perkara ini akan menimbulkan perasaan ingin tahu pembaca tentang kaitan ketiga-tiga perkara ini dengan plot penulisan naratif tersebut. Pengenalan yang baik dan berkesan selalunya akan meninggalkan kesan dan berjaya menarik minat pembaca.

Oleh itu, pengajaran ini penting kerana ia membantu pelajar untuk melakarkan pengenalan karangan naratif yang menarik dan berjaya menimbulkan suspens. Dengan menggunakan strategi ini, pelajar akan dapat menghasilkan pengenalan karangan naratif yang mampu untuk menimbulkan perasaan ingin tahu dan menarik minat pembaca. Ini dapat memastikan bahawa gaya penulisan pelajar dalam menghasilkan pengenalan dapat diperbaiki agar permulaan karangan naratif mereka lebih menarik dan kesalahan bahasa dapat diminimumkan. Strategi ini juga mampu menyerlahkan pengenalan penulisan naratif pelajar.

## KAJIAN LITERATUR

Sebelum ini, ramai pengkaji yang merupakan para guru di Singapura telah membuat kajian tentang strategi yang berkesan untuk mengajar penulisan naratif melalui wadah seperti Seminar Bahasa Melayu dan perkongsian di peringkat kelompok atau zon. Daing Noor Ashikin Bte Bahnan (2012) mempunyai pendapat yang sama bahawa karangan adalah komponen penting dalam peperiksaan Bahasa Melayu. Permasalahan timbul apabila ayat-ayat yang ditulis oleh murid lebih cenderung ke arah struktur bahasa Inggeris. Penggunaan Informasi Teknologi (IT) seperti Linoit, Cartoonist dan bahan penilaian seperti rubrik dan senarai semak adalah antara kaedah digunakan untuk membantu pelajar menghasilkan penulisan naratif yang lebih menarik.

Menurut Yahya Othman (2005) dan Ahmad Khair Nor (2005), penguasaan kemahiran menulis bukan hanya bergantung kepada bakat semata-mata malah dipengaruhi juga pengajaran menulis yang bersistem dan berkesan. Oleh yang demikian, proses menulis memerlukan aktiviti pemikiran sebelum menulis karangan, semasa menulis karangan, dan proses pemikiran yang dialami selepas karangan dihasilkan (Suppiah Nachiappan, 2006). Di sini, peranan guru sebagai pembimbing dan fasilitator amatlah penting.

Ismail Ahmad (2004) menegaskan bahawa penulisan adalah aktiviti kognitif yang dilakukan oleh orang yang berilmu serta menekankan penyebaran ilmu. Untuk menguasai tujuan tersebut, pengajaran bahasa memerlukan masa dan peluang yang sesuai bagi menjadikan murid penulis terbaik. Dalam penghasilan sesebuah penulisan, pengarang juga perlu menyampaikan idea secara jelas, tepat, dan berkesan.

Menurut Flower (1985) dalam Roselan Baki (2003), dalam proses penulisan, masalah yang sering dihadapi oleh seseorang ialah untuk memulakan penulisan. Memulakan penulisan bukanlah sekadar persoalan kebolehan semata-mata atau soal pengetahuan tentang sesuatu kerana pakar yang berpengetahuan dan berkemahiran pun turut menghadapi masalah yang serupa.

## KAEDAH KAJIAN

Oleh yang demikian, strategi pengajaran kami bersandar pada penggunaan Pedagogi *Cognitive Apprenticeship*. Pelajar diajar berdasarkan teknik dua serampang iaitu bagaimana memilih konflik yang sesuai untuk pengenalan mereka dan bagaimana untuk menyampaikan konflik mereka dengan menggunakan dialog-dialog yang mudah dan ringkas. Kekuatan pedagogi ini terletak kepada keupayaan guru untuk memastikan pelajar dapat melihat proses berfikir dalam sesuatu aktiviti pembelajaran. Kami telah menggunakan kaedah-kaedah asli dalam sistem *apprenticeship* seperti *modelling*, *coaching*, *scaffolding* dan *fading* untuk membimbing pelajar dengan berkesan.

*Cognitive Apprenticeship* memerlukan guru berperanan sebagai pakar mengajar *apprentice* yang terdiri daripada para pelajar. Pelajar memerhati, menghasil semula dan berlatih bersama guru (Collin, Brown & Newman, 1987). Melalui kaedah *modelling*, pelajar mengalami dan membina model konseptual berdasarkan tugas yang diberi. Tahap kedua, iaitu *Coaching* melibatkan pemantauan guru terhadap tahap keupayaan pelajar di mana laporbalik diberi untuk memperbaiki kemahiran pelajar. Tahap *Scaffolding* pula merupakan tahap di mana strategi dan kaedah pengajaran dijalankan untuk menyokong proses pembelajaran pelajar. Ini disokong melalui aktiviti-aktiviti yang berpusatkan pelajar, kerja kumpulan dan penggunaan bahan-bahan alat bantu seperti IT & media. Akhirnya, tahap

*fading* pula memerlukan pelajar memainkan peranan yang lebih terserlah dan ‘dilepaskan’ oleh guru bertahap-tahap agar pelajar dapat berdikari kelak.

Rumusannya, melalui penggunaan proses ini, *cognitive apprenticeship* menyokong 3 tahap kemahiran iaitu tahap kognitif (*cognitive stage*), tahap membuat kaitan (*associative stage*) dan tahap berdikari (*autonomous stage*) (Anderson, 1983, Fitts & Posner, 1967).

Kajian Pengajaran Sekolah Menengah Compassvale ini telah melalui dua proses kitaran kajian. Proses pembelajaran ini memuatkan Rancangan Pengajaran Kajian Kitaran 1 dan Kitaran 2. Setiap rancangan pengajaran telah dibincangkan oleh kumpulan kajian pengajaran bagi memastikan pembaikan dilakukan demi menyediakan pengalaman pembelajaran yang menarik, bermakna dan berkesan dalam meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar.

Pelajar diberikan latihan-latihan yang sesuai agar guru dapat memantau pemahaman pelajar. Kegiatan latihan penting terutama sekali untuk pelajar-pelajar yang lebih pasif. Walau bagaimanapun, sebelum latihan mereka disemak, mereka perlu terlebih dahulu berkongsi dan berbincang dengan pasangan masing-masing apakah kriteria-kriteria yang perlu ada untuk permulaan karangan yang baik dengan memilih hasil karangan yang mampu menarik perhatian pembaca. Pendekatan ini membenarkan pelajar untuk belajar daripada satu sama lain tentang cara-cara menggunakan dan mewujudkan elemen suspens dengan efektif.

### **Subjek Kajian**

Subjek kajian ini melibatkan 10 pelajar menengah 3 Ekspres. Data-data sokongan yang menjadi asas Kajian Pengajaran ini merupakan markah bagi latihan-latihan karangan naratif pelajar di dalam kelas dan keputusan peperiksaan pertengahan tahun 2012. Guru-guru menjadikan data ini sebagai kayu ukur untuk melihat kemampuan pelajar sama ada mereka berkemampuan rendah atau sederhana dari segi kemahiran menulis karangan. Hasil kerja pelajar yang diperolehi daripada latihan-latihan karangan naratif yang diselesaikan dan peperiksaan pertengahan tahun ini dibaca kembali.

Tumpuan diberikan kepada bagaimana pelajar menghasilkan pengenalan karangan. Daripada pengamatan guru-guru, pelajar gagal untuk menghasilkan pengenalan yang menarik yang menimbulkan suspens. Pengenalan karangan naratif mereka gagal untuk membangkitkan perasaan ingin tahu dalam diri pembaca. Oleh itu, guru-guru bercadang untuk melakarkan strategi yang memberi tumpuan kepada pengenalan yang berkesan dalam karangan naratif pelajar iaitu dialog yang berbentuk konflik di antara dua watak utama.

### **Instrumen Kajian**

Dua instrumen kajian yang digunakan untuk tujuan kajian ini adalah:

- (1) Borang penelitian atau pemantauan.
- (2) Alat penilaian karangan naratif berdasarkan skema pemarkahan peperiksaan penulisan.

## Prosedur Kajian

Kumpulan kajian pengajaran melakukan pemerhatian yang teliti dari segi perancangan, kebolehtadbiran rancangan pengajaran, strategi pengajaran yang diambil, bahan-bahan pengajaran yang digunakan serta respons pelajar terhadap pengajaran dan bahan pengajaran yang digunakan dalam proses pembelajaran.

Antara dapatan daripada penelitian yang dijalankan, guru memperoleh informasi yang terperinci mengenai bagaimana pelajar belajar semasa guru menjalankan pengajaran dan aktiviti pembelajaran. Guru juga dapat menyarankan beberapa pembaikan bagi bahagian-bahagian tertentu yang tidak diteliti oleh guru semasa menjalankan pengajaran.

Berikut adalah pemerhatian guru bagi setiap pengajaran kajian yang dilaksanakan.

### (i) Pemerhatian Kitaran 1 (Rujuk pada Lampiran 1)

Menerusi Induksi, penggunaan video dapat menarik perhatian pelajar dan berjaya mencetuskan perbincangan yang menarik. Pelajar terdorong untuk memberikan pendapat mereka setelah menonton adegan yang memaparkan konflik antara dua watak utama. Dalam proses memberikan pendapat, pelajar telah mengenengahkan teknik penceritaan yang digunakan. Fungsi konflik dan unsur suspens yang terdapat dalam filem tersebut juga menjadi topik perbincangan kelas. Namun, ada pelajar yang didapati tidak memberikan pendapat. Menyusuli itu, guru mengemukakan soalan untuk mendapatkan respons mereka.

Gambar dan tajuk yang digunakan dalam sebagai panduan Langkah 1 dapat membantu pelajar menghasilkan dialog. Namun, dialog yang dibina agak panjang. Melalui aktiviti ini, guru menyedari bahawa pelajar harus didedahkan kepada pengajaran tentang gaya bahasa yang sesuai untuk penulisan dialog. Pelajar harus dibimbing untuk mengedit dialog mereka agar lebih ringkas dan padat. Walaupun para pelajar dapat menghasilkan ayat aktif yang sesuai dengan gambar, mereka mengambil masa yang lama untuk menyesuaikan dialog tersebut dengan tajuk cerita dan watak yang diberikan. Selain itu, pemahaman mereka terhadap tuntutan soalan juga menjejaskan mutu konflik yang diketengahkan. Pelajar juga menghadapi masalah membina dialog kerana mereka harus membincangkan isi cerita yang sesuai dengan soalan sebelum dapat menghasilkan permulaan cerita yang sesuai

Aktiviti main peranan dalam bagi langkah 2 dapat menyuntik elemen keseronokan dalam pengajaran. Aktiviti ini dapat menghapuskan monotoni pengajaran yang agak berat. Aktiviti telah berjaya menghidupkan suasana di dalam kelas walaupun ia merupakan waktu terakhir dalam jadual masa mereka. Namun, aktiviti ini mengambil masa yang panjang kerana ada pelajar yang tidak selesa berlakon di depan kelas dan ini menjejaskan pengurusan waktu dan sekaligus kelancaran pengajaran guru.

Bagi Langkah 3, dua model permulaan cerita berdasarkan tajuk yang sama dapat mengukuhkan pemahaman pelajar tentang teknik ini. Pelajar telah melibatkan diri secara aktif dalam pengajaran ini dengan memberikan respons yang menarik. Tiga elemen suspens yang diterangkan oleh guru dapat membantu menambah nilai kepada pengajaran. Elemen objek merupakan satu elemen baru yang pelajar jarang gunakan. Perbincangan dalam kumpulan terarah dan dapat membantu guru mencapai objektif pengajaran. Namun, ada kumpulan yang

tidak fokus dan perlu dipantau untuk membincangkan perkara yang diberikan dan bukan soal lain.

Bagi bahagian Penutup, rumusan guru kurang berkesan disebabkan kesuntukan masa. Perkara yang ditimbulkan kurang mendalam dan agak umum. Guru-guru berpendapat dengan menyuruh pelajar membuat renungan di akhir pengajaran, tahap pemahaman mereka boleh dipantau dengan lebih berkesan, Pendapat mereka juga boleh diraih untuk memperbaiki strategi yang telah digunakan guru.

## **(ii) Pemerhatian Kitaran 2**

*(Rujuk pada Lampiran 1)*

Penggunaan video yang digunakan sekali lagi berjaya memainkan peranan sebagai pencetus perbincangan dalam kalangan pelajar. Pelajar menyuarakan keinginan agar filem itu diteruskan kerana mereka ingin tahu lanjutan cerita tersebut. Video yang digunakan juga dapat mencungkil pengetahuan sedia ada pelajar terhadap plot kronologi dan tidak kronologi.

Penggunaan grafik dan imej visual dalam Langkah 1 telah mengukuhkan lagi pemahaman pelajar dan berfungsi membantu pelajar memberikan tumpuan terhadap perkara yang diterangkan. Para guru berpendapat, aktiviti ini dapat diperbaik jika pelajar diberi nota dan diarah untuk mengisi tempat kosong dengan informasi penting semasa guru menjalankan pengajaran. Ini dapat menggalakkan penglibatan pelajar secara berkesan. Teknik Pembelajaran Perbezaan (*differentiated Instruction*) ini juga dapat mengambil kira profil pelajar dan stail pembelajaran yang berbeza di kalangan pelajar yang rata-rata merupakan pelajar jenis visual dan kinestetik.

Elemen suspens yang telah dijelaskan dalam Pelajaran Kitaran 1 dapat dikenal pasti oleh pelajar. Soalan yang dikemukakan oleh guru juga berkesan untuk menjana pemikiran dan mencungkil respons pelajar. Karangan contoh yang diberikan dapat membantu pemahaman pelajar tentang bagaimana keseluruhan jalan cerita berpusar pada elemen suspens yang dipaparkan dalam permulaan karangan.

Semasa Langkah 2, pelajar mengambil masa yang lama untuk mengisi templat papan cerita kerana ketandusan idea. Kekurangan idea ini menjejaskan hasil kerja yang diharapkan. Dengan mengecam bahagian konflik yang ingin dipaparkan di permulaan karangan pelajar dibantu untuk melihat kerelevanan dialog mereka. Namun, pengajaran dapat diperbaiki jika pelajar melakarkan plot cerita dahulu sebelum menjurus kepada permulaan/konflik yang dipilih. Bimbingan guru kepada pelajar sangat berguna untuk memastikan pemilihan konflik yang bermutu.

Melalui Langkah 3, hasil kerja pelajar yang dijadikan bahan untuk mengukuhkan pemahaman pelajar didapati sesuai dan autentik. Teknik belajar melalui rakan sebaya dapat menarik perhatian pelajar dan membuat proses pembelajaran lebih bermakna dan autentik. Namun, pelajar agak keberatan untuk berkongsi pendapat mereka terhadap hasil tugas rakan mereka. Dari itu, aktiviti ini terpaksa dipandu oleh guru untuk memastikan perbincangan yang bermutu. Para guru berpendapat penggunaan senarai semak atau rubrik boleh digunakan bagi membantu pelajar menilai keberkesanan pembelajaran yang dilalui.

Sebagai penutup, rumusan dan soalan yang dikemukakan oleh guru berjaya membuat mereka berfikir dan merenung semula apa yang telah mereka pelajari.

## **Dapatan Kajian**

Kajian ini berpusat kepada usaha guru-guru di Sekolah Menengah Compassvale dalam melakarkan satu strategi pengajaran dan pembelajaran bagi bahagian pengenalan dalam penulisan karangan naratif. Dapatan kajian dapat disimpulkan berdasarkan respons guru terhadap soalan kajian yang telah diketengahkan seperti yang berikut:

### **Apakah jangkaan yang ditetapkan untuk mencapai Band 1 dalam penulisan karangan Naratif di Peringkat O?**

Dalam Pelajaran 2, guru perhatikan bahawa ada pelajar yang mampu meluahkan elemen-elemen ini di dalam penulisan mereka. Kami dapati bahawa saranan kami (Tema Cerita, Pengenalan, Bahagian Utama dan Peleraian) berkait rapat dan saling bergantung kepada arahan yang diberikan guru. Pelajar akan memahami idea yang disampaikan dengan lebih baik jika mereka telah diajarkan setiap bahagian mengikut urutannya. Kami jangkakan pelajar akan dapat menyampaikan elemen suspens yang berkait rapat antara satu sama lain sebagai elemen yang memainkan peranan utama dalam perkembangan cerita mereka.

### **Apakah batasan penulisan yang dihadapi pelajar-pelajar tahap kebolehan sederhana dan tahap kebolehan rendah di kalangan peringkat menengah atas?**

Pelajar-pelajar yang lemah dalam penguasaan Bahasa Melayu dan yang kurang berkemahiran dalam penulisan karangan dapat dibantu melalui pengajaran strategi kemahiran menulis. Guru mendapati bahawa menangani pelajar yang lemah dalam Bahasa Melayu pula lebih mencabar kerana banyak perkara yang perlu diteliti dan dilakukan untuk membantu mereka menguasai bahasa Melayu dengan baik.

### **Bagaimana melakarkan Strategi Penulisan Karangan Naratif dengan mengambil kira batasan yang ada?**

Guru berjaya mengatasi cabaran ini dengan memastikan pelajar membentangkan konflik mereka dengan menggunakan dialog-dialog yang pendek, padat dan ringkas. Penggunaan dialog digalakkan kerana struktur ayat yang digunakan lebih mudah. Lebih-lebih lagi jika dialog yang digunakan ringkas. Pelajar juga sudah terbiasa dengan apa yang diperlukan dalam penulisan dialog yang pendek dan ringkas kerana kemungkinan besar mereka turut biasa menggunakannya dalam komunikasi seharian. Lagipun, dialog yang mudah secara semulajadi menggunakan kosa kata yang mudah. Hal ini sangat membantu pelajar yang mempunyai penguasaan kosa kata yang rendah.

Berdasarkan pemerhatian dan pemantau guru serta renungan pelajar, subjek kajian menunjukkan sikap yang positif ketika melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan yang dijalankan. Pelibatan pelajar yang aktif memberi pengalaman yang bermakna dalam usaha membentuk kemahiran menulis mereka.

Berikut adalah renungan oleh para guru dan beberapa pelajar yang terlibat;

(i) **Renungan Guru**

Kajian Pengajaran yang dilaksanakan memberikan impak yang positif dan membina bagi guru. Guru mendapati bahawa mereka berpeluang untuk memerhatikan dengan secara teliti dan terperinci bagaimana proses pembelajaran pelajar semasa pengajaran kajian dijalankan. Berikut adalah refleksi para guru mengenai pengajaran kajian yang telah dilaksanakan.

**Guru yang Menjalankan Pengajaran**

*“Pemahaman pelajar tentang penggunaan berkesan ketiga-tiga elemen suspen dan pemilihan konflik yang sesuai akan menjadi lebih baik lagi apabila mereka diajarkan bagaimana menulis bahagian isi dan penyudah cerita. Oleh itu, pengajaran ini perlu diulang laku apabila guru mengajar menulis bahagian-bahagian tersebut.”*

- Cikgu Shalleh  
(Guru Bahasa Melayu)

**Guru Pemantau 1**

*“Semasa dalam proses memperbaiki permulaan karangan mereka, ramai pelajar mulai sedar betapa hasil karya mereka berpotensi menarik perhatian pembaca. Ini merupakan satu reaksi dan penerimaan yang amat disenangi guru memandangkan pelajar sering kembali kepada teknik karangan yang mereka sudah biasa atau selesa gunakan sebelum ini. Namun, strategi yang telah diajar melalui pengajaran ini telah berjaya mempengaruhi persepsi mereka. Apabila mereka lihat sendiri bagaimana teknik yang digunakan dapat ‘merubah’ penulisan, mereka terdorong untuk mengaplikasikannya dalam karangan-karangan naratif yang lain.”*

~ Cikgu Noranika Murni  
(Guru Bahasa Melayu)

**Guru Pemantau 2**

*“Saya berpendapat pengajaran ini merupakan pengenalan untuk menghasilkan sebuah karangan naratif yang baik. Saya telah melanjutkan penggunaannya di dalam pengajaran saya dengan mereka. Pada peringkat awal, saya tidak mendapatkan karangan yang lengkap daripada pelajar kerana strategi ini masih dalam peringkat percubaan. Untuk mengatasi cabaran ini, saya melakarkan peristiwa-peristiwa yang mungkin dapat dikembangkan berdasarkan permulaan karangan yang telah mereka hasilkan. Ini menyedarkan pelajar bahawa terdapat beberapa konflik yang boleh diketengahkan di dalam karangan mereka. Namun, mereka harus berhati-hati agar konflik yang dipilih sesuai dengan jalan cerita mereka. Selain itu, strategi ini juga telah membantu pelajar menulis melalui contoh yang ditunjukkan atau modelling. Guru dapat menunjukkan proses pemikiran semasa menggunakan tiga elemen suspens secara eksplisit dan berkesan. Ini memudahkan pelajar mengaplikasikan apa yang telah mereka pelajari.”*

~ Cikgu Nur Maizurah  
(Guru Bahasa Melayu)



### **Guru Pemantau 3**

*“Projek ini merupakan sebuah hasil kerjasama guru-guru Bahasa Melayu berdasarkan penilaian dan pengalaman masing-masing di dalam kelas. Melalui pemerhatian, didapati setiap guru mempunyai kelebihan masing-masing dalam mengendalikan kelas mereka. Walaupun tidak dinafikan bahawa keunikan setiap guru ini merupakan satu aset, gabungan usaha guru amat dialu-alukan kerana ia mendatangkan banyak kebaikan melalui penyelarasan dari aspek pendekatan dan impaknya terhadap pembelajaran para pelajar.*

*Dari itu, sesi Peningkatan Profesional (PD session) yang dijalankan setiap minggu banyak tertumpu pada perkongsian pendekatan pedagogi guru di dalam kelas. Setelah beberapa sesi dijalankan, masalah mutu karangan pelajar telah ditimbulkan sebagai isu yang menjadi keutamaan pada waktu itu.*

*Dengan ini, pengajaran dilakarkan dengan teliti agar ia berpusat pada pelajar atau student-centric. Hasil daripada kitaran 1 & 2 telah memberi perangsang kepada guru untuk mengaplikasikan strategi ini di dalam kelas masing-masing. Hasilnya, pelajar bukan sahaja lebih mahir malah lebih yakin untuk menggunakan teknik yang telah diajar kepada mereka secara berperingkat. Ini sudah cukup untuk memberi guru motivasi untuk terus memperbaiki dan memperhalusi kepakaran mereka. Sikap positif dan keterbukaan minda para guru dan pelajar serta sokongan sekolah merupakan aspek penting yang telah menjayakan projek ini.*

*Walaupun pengajaran yang dijalankan tidaklah 100 peratus sempurna dan masih terdapat banyak ruang yang perlu diperbaiki, langkah tersebut merupakan titik permulaan yang baik.”*

- Cikgu Lila Salleh  
(Ketua Subjek Bahasa Melayu)

### **(ii) Renungan Pelajar**

Selain merangsang minat dan keghairahan guru dalam melaksanakan kajian pengajaran yang dirancang, guru juga mendapati bahawa para pelajar bersikap positif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan.

Berikut adalah pandangan pelajar mengenai proses pembelajaran yang dilalui mereka.

*“Penggunaan gambar dan video membantu saya untuk menggambarkan situasi dan mood untuk karangan saya. Bahan-bahan yang digunakan guru membantu saya mencari idea yang lebih kreatif dan sesuai dengan tajuk soalan yang diberikan.”*

- Nur Ellyana, Menengah 3G

*“Teknik yang diajar sangat berkesan dalam pembinaan suspens dalam cerita saya. Pembaca tertanya-tanya apa yang akan saya tuliskan setelah membaca permulaan karangan saya. Ini berbeza dengan karangan saya yang lalu.”*

- NurilSyamira, Menengah 3D

*“Saya rasa seronok apabila rakan-rakan melakonkan dialog mereka kerana aktiviti ini dapat membantu kami menyelami watak-watak yang dipaparkan di dalam cerita. Selain menimbulkan tanda tanya, ia juga menimbulkan suasana cerita tersebut.”*

- Nurdiyahnah Umairah, Menengah 3D

*“Saya lebih yakin gunakan unsur suspen dalam karangan saya setelah mengikuti pelajaran ini. Saya dapati unsur ini membuat karangan saya lebih menarik kerana sekarang saya dapat memulakan karangan saya dengan cara yang berbeza daripada yang biasa saya lakukan.”*

- Muhammad Syahir, Menengah 3D

## **KESIMPULAN**

Kajian ini telah menunjukkan kesan yang memberangsangkan kepada kedua-dua pihak iaitu para guru dan pelajar. Strategi yang dijalankan membuahkan hasil yang positif. Peningkatan dalam permulaan penulisan naratif pelajar secara kualitatif amatlah ketara. Subjek Kajian telah berjaya mengatasi masalah penguasaan bahasa dan kosakata kata yang terhad menjejaskan permulaan cerita mereka. Melalui dialog yang ringkas, padat dan fokus, fungsi permulaan karangan untuk menarik minat pembaca berjaya diraih melalui konflik yang diketengahkan. Tambahan pula, penggunaan alat-alat bantu yang menarik dan aktiviti-aktiviti yang berpusatkan pelajar menjadi pemangkin proses pembelajaran mereka dan memperkasakan diri mereka untuk terus memperbaiki kemahiran menulis mereka.

Namun, kami akur bahawa pendekatan ini perlu diubahsuai, diperbaiki dan disemak dari masa ke semasa berdasarkan profil dan tahap keupayaan kumpulan sasaran. Permulaan yang baik hanyalah salah satu aspek yang menentukan markah keseluruhan yang lebih baik. Strategi ini harus dilanjutkan lagi pada bahagian karangan seterusnya iaitu, bahagian isi dan penutup. Yang pasti, kajian ini mempunyai potensi untuk diberi perhatian pada masa akan datang dan dikembangkan lagi sebagai salah satu cara untuk membantu pelajar menghasilkan penulisan naratif yang lebih baik secara keseluruhan. Ia memerlukan masa, kesabaran, keyakinan, dan daya tahan dari kedua-dua pihak iaitu, guru dan pelajar.

## RUJUKAN

Chong Ah Fok (1997). Gaya aliran: Cerpen-cerpen di majalah Bahana Januari-April 1993.

*Bahana*, 1, 12-18.

Danial Phua & Nur Khairani Jamal (2011), Kajian Pengajaran Penulisan Pengenalan

Karangan Deskriptif, dalam Seminar Bahasa 2011, Memperkasa Guru Mempercepat Pelajar.

Kamsiah H. Abdullah (1993). Karangan naratif dan laporan-satu kajian tentang matlamat

fungsi dan prestasi murid-murid sekolah menengah di Singapura. *Jurnal Dewan Bahasa*. 37(6), 484-493.

Mdm Nadarajah Vijaya Rani, Mdm Irene, Mrs Ching-Chai Khoon Lian, Mr Kesavan

Veerappen, Mr Timothy Boay, (2008) Teacher Development Through lesson Study

Noni Ratina bte Haji Japah (2007). *Analisis karangan naratif bagi pelajar menengah atas: Satu kajian*. Tesis Sarjana. FASS. Universiti Brunei Darussalam

Seminar dan jati Diri Melayu. Seminar Bahasa Melayu 2013. Pusat Bahasa Melayu Singapura & Unit Bahasa Ibunda. Bahagian Perancangan

**PROSES PEMBELAJARAN KAJIAN**  
**Rancangan Pengajaran Kajian (Kitaran 1)**

**Matlamat Pengajaran**

Murid menengah Atas dapat:

1. melakarkan strategi penulisan naratif bagi yang berkemampuan rendah dan sederhana untuk mempersiapkan mereka bagi Kertas 1 Peperiksaan peringkat 'O'.

Aktiviti Pembelajaran dan Soalan-soalan guru		Reaksi pelajar yang dijangkakan	Sokongan guru(soalan susulan sebagai panduan terhadap pembelajaran pelajar)	Penilaian Bagaimanakah penilaian dilakukan?Apakah wahana ( <i>tools</i> ) yang digunakan?
Masa	Aktiviti			
5 minit	<p><b>Induksi</b></p> <p>Guru menayangkan video satu babak dari filem 'Lagenda Budak Setan 2'            (<a href="http://www.youtube.com/watch?v=xS6FTSgbwpo">http://www.youtube.com/watch?v=xS6FTSgbwpo</a> )</p> <p>Pelajar berbincang dan berkongsi pandangan dengan pasangan apa yang menarik tentang babak ini &amp; apakah teknik yang digunakan oleh penerbit untuk memancing perhatian penonton.</p> <p>Pelajar mengecam konflik yang ditimbulkan dan membincangkan serta memahami kesannya untuk</p>	<p>Pelajar meneliti bagaimana unsur suspens digunakan melalui dialog (konflik) antara dua watak.</p> <p>Pelajar dapat memahami bagaimana konflik dalam cerita dapat menimbulkan suspens dan sekaligus menarik perhatian penonton filem.</p>	<p>Guru mencungkil pengetahuan sedia ada pelajar melalui soalan.</p> <p><b>Contoh soalan:</b></p> <p>(1) Apakah pendapat kamu tentang babak ini?            (2) Apakah persoalan yang timbul dalam benak kamu apabila menonton babak ini?            (3) Apakah konflik yang ditimbulkan?</p>	<p>Penilaian terhadap pemahaman pelajar tentang fungsi konflik &amp; suspens dilakukan melalui respons pelajar dan pemerhatian guru.</p>

Aktiviti Pembelajaran dan Soalan-soalan guru		Reaksi pelajar yang dijangkakan	Sokongan guru(soalan susulan sebagai panduan terhadap pembelajaran pelajar)	Penilaian Bagaimanakah penilaian dilakukan?Apakah wahana ( <i>tools</i> ) yang digunakan?
Masa	Aktiviti			
	menimbulkan suspens.			
15 minit	<p><b>Langkah 1</b></p> <p>Pelajar membina dialog yang dapat menimbulkan konflik berdasarkan gambar &amp; tajuk cerita yang diberikan.</p>	<p>Pelajar cuba membina konflik melalui pembinaan dialog pendek. Gambar digunakan sebagai alat untuk mencetus idea. Tajuk dijadikan panduan agar konflik yang dipaparkan relevan dengan tuntutan soalan.</p>	<p>Sewaktu kerja kumpulan, guru memainkan peranan sebagai fasilitator untuk memandu pelajar untuk menghasilkan dialog yang bermutu tinggi.</p> <p>Guru menayangkan soalan-solan untuk membantu pelajar menjalankan aktiviti ini.</p> <p>Contoh Soalan:            (1) Berdasarkan gambar, bincangkan plot cerita yang ingin disampaikan (berdasarkan tajuk) secara ringkas.            (2) Timbulkan persoalan atau konflik antara dua watak dalam gambar itu yang dapat menimbulkan tanda tanya penonton.            (3) Bina dialog pendek untuk menimbulkan konflik itu.</p>	<p>Guru menilai kreativiti pelajar melalui respons mereka terhadap gambar. Kepelbaian gambar dapat memberi respons/dialog antara watak yang berbeza berdasarkan tajuk ceita yang sama. Aktiviti ini dapat menggalakkan pelajar membincangkan kriteria untuk membina</p>
15 minit	<b>Langkah 2</b>			

Aktiviti Pembelajaran dan Soalan-soalan guru		Reaksi pelajar yang dijangkakan	Sokongan guru(soalan susulan sebagai panduan terhadap pembelajaran pelajar)	Penilaian Bagaimanakah penilaian dilakukan?Apakah wahana ( <i>tools</i> ) yang digunakan?
Masa	Aktiviti			
	Beberapa pelajar dipilih memainkan peranan berdasarkan dialog yang telah dibina.	Pelajar-pelajar lain memberi respons terhadap lakonan itu. Pelajar lain memberi respons tentang tekaan mereka terhadap konflik yang telah ditimbulkan.	Sewaktu persembahan beberapa kumpulan pilihan, guru merangsang pelajar-pelajar lain berfikir tentang watak dan jalan cerita yang ingin diketengahkan.  Contoh soalan: (1) Apakah konflik yang ditimbulkan? (2) Bagaimana kesannya terhadap penonton? Beri contoh daripada perbualan tersebut. (3) Apakah agaknya jalan cerita yang ingin ditimbulkan melalui dialog antara dua watak itu?	Hasil tugas pelajar dinilai guru dan rakan sebaya ( <i>peer assessment</i> ) dari segi kesesuaian dan kesannya terhadap tajuk cerita.
10 minit	<b>Langkah 3</b> Guru memberi 2 model permulaan cerita berdasarkan tajuk yang sama (Soalan Kertas 1 Peperiksaan GCE 'O').  Pelajar memberikan respons setelah membuat perbandingan dengan hasil kerja mereka.  Berdasarkan hasil tugas pelajar,	Pelajar meneliti kelebihan model permulaan yang diberikan dan membuat perbandingan dengan hasil kerja mereka.  Pelajar dapat mengecam kriteria yang dapat memperbaiki permulaan cerita mereka.	Guru membimbing pelajar untuk mengenal pasti kekurangan hasil kerja pelajar berbanding dengan model permulaan yang diberikan.  Guru mendapatkan respons pelajar tentang cara-cara untuk memperbaiki permulaan mereka melalui soalan-soalan panduan.	Dalam kumpulan masing-masing, pelajar menilai sendiri ( <i>self assessment</i> ) hasil kerja mereka berdasarkan model permulaan karangan yang diberikan guru.

Aktiviti Pembelajaran dan Soalan-soalan guru		Reaksi pelajar yang dijangkakan	Sokongan guru(soalan susulan sebagai panduan terhadap pembelajaran pelajar)	Penilaian Bagaimanakah penilaian dilakukan?Apakah wahana ( <i>tools</i> ) yang digunakan?
Masa	Aktiviti			
	<p>guru menumpukan kepada 3 elemen suspens iaitu: peristiwa, benda dan orang).</p> <p>Pelajar berbincang dalam kumpulan untuk memperbaiki permulaan mereka berdasarkan 3 elemen suspens yang diketengahkan oleh guru tadi.</p>		<p><b>Contoh Soalan:</b></p> <p>(1) Adakah ketiga-tiga elemen suspens dalam permulaan kamu?</p> <p>(2) Bagaimana ia dapat membantu menimbulkan suspens?</p> <p>(3) Adakah ia digunakan dengan berkesan?</p> <p>(4) Bagaimanakah ia dapat menyokong isi cerita keseluruhannya?</p>	
5 minit	<p><b>Aktiviti (Penutup)</b></p> <p>Guru membuat rumusan terhadap isi utama pengajaran dan pemerhatian guru terhadap hasil tugas pelajar.</p>	<p>Pelajar memahami kriteria untuk menghasilkan permulaan yang dapat menimbulkan suspens melalui penggunaan konflik dalam bentuk dialog.</p>	<p>Nota dan templat untuk menghasilkan permulaan cerita yang melibatkan ketiga-tiga elemen suspens yang telah diperkenalkan.</p>	<p>Pelajar dapat menghasilkan permulaan cerita secara individu dengan garis pandu.</p>

## PROSES PEMBELAJARAN KAJIAN

## Rancangan Pengajaran Kajian (Kitaran 2 )

## Matlamat Pengajaran

Murid menengah Atas dapat:

1. melakarkan strategi penulisan naratif bagi yang berkemampuan rendah dan sederhana untuk mempersiapkan mereka bagi kertas 1 peperiksaan peringkat 'O'.

Aktiviti Pembelajaran dan Soalan-soalan guru		Reaksi pelajar yang dijangkakan	Sokongan guru(soalan susulan sebagai panduan terhadap pembelajaran pelajar)	Penilaian Bagaimanakah penilaian dilakukan?Apakah wahana ( <i>tools</i> ) yang digunakan?
Masa	Aktiviti			
5 minit	<p><b>Induksi</b></p> <p>Guru menayangkan filem pendek.(Filem Taubat Nasuha-penggunaan teknik imbas kembali) <a href="http://www.youtube.com/watch?v=LLjps-q-BJM">http://www.youtube.com/watch?v=LLjps-q-BJM</a></p> <p>Pelajar memberi respons tentang plot cerita yang tidak kronologi dalam filem tersebut.</p>	<p>Pelajar mengenal pasti plot cerita TIDAK kronologi yang terdapat dalam filem &amp; kesannya kepada penonton.</p>	<p>Guru menumpukan perhatian pelajar terhadap penggunaan teknik imbas kembali &amp; cara ia dapat menarik perhatian.</p> <p>Guru menyoal pelajar tentang kesan teknik yang digunakan:</p> <p><b>Contoh Soalan :</b></p> <p>(1) Apakah kesan babak induksi dalam filem ini?</p> <p>(2) Mengapakah agaknya penerbit gunakan adegan ini?</p>	<p>Pelajar dapat mengenalkan pasti teknik yang digunakan.</p> <p>Pemahaman pelajar dipantau melalui respons mereka terhadap soalan-soalan yang dikemukakan oleh guru.</p>



Aktiviti Pembelajaran dan Soalan-soalan guru		Reaksi pelajar yang dijangkakan	Sokongan guru(soalan susulan sebagai panduan terhadap pembelajaran pelajar)	Penilaian Bagaimanakah penilaian dilakukan?Apakah wahana ( <i>tools</i> ) yang digunakan?
Masa	Aktiviti			
10 minit	<p><b>Langkah 1</b></p> <p>Guru menerangkan organisasi isi (urutan kejadian) karangan yang baik dengan menggunakan representasi grafik dalam Diagram 3.</p> <p>Berdasarkan model permulaan karangan yang dikongsi oleh guru dalam Pelajaran 1, guru memberikan sambungan cerita karangan tersebut.</p> <p>Guru meminta pelajar memberikan pandangan tentang fungsi elemen suspens dalam permulaan cerita itu memainkan peranan dalam pembentukan keseluruhan isi cerita.</p>	<p>Pelajar dapat memahami kesan urutan kejadian dalam sebuah karangan.</p> <p>Pelajar dapat mengaitkan permulaan cerita dengan plot cerita seterusnya.</p> <p>Pelajar dapat melihat bagaimana penggunaan suspens dikaitkan dengan keseluruhan karangan dan bagaimana ia memainkan peranan utama dalam pembinaan isi cerita.</p>	<p>Guru menyediakan slaid powerpoint untuk menjelaskan urutan cerita kronologi &amp; tidak kronologi untuk meneguhkan pemahaman pelajar.</p> <p>Pelajar memberikan sambungan cerita sebagai bahan untuk mengukuhkan pemahaman pelajar tentang fungsi suspens digunakan di dalam keseluruhan cerita tersebut.</p>	<p>Pelajar dapat membezakan plot cerita yang kronologi &amp; tidak kronologi</p> <p>Pemahaman pelajar dikukuhkan lagi dengan penggunaan diagram dan penerangan guru.</p> <p>Pelajar dapat mengenal pasti keberkaitan suspens dan isi cerita melalui model karangan.</p> <p>Respons pelajar dijadikan kayu ukur untuk memantau tahap</p>
15 minit	<p><b>Langkah 2</b></p> <p>Berdasarkan konflik &amp; suspens yang telah dibina pada Pelajaran 1, pelajar mengisi templet papan cerita</p>	<p>Pelajar dapat menyetengahkan konflik yang sesuai dengan plot</p>	<p>Templet Papan Cerita digunakan untuk memberi panduan membina urutan peristiwa.</p>	<p>Guru memantau pemahaman pelajar melalui soalan-soalan yang</p>

Aktiviti Pembelajaran dan Soalan-soalan guru		Reaksi pelajar yang dijangkakan	Sokongan guru(soalan susulan sebagai panduan terhadap pembelajaran pelajar)	Penilaian Bagaimanakah penilaian dilakukan?Apakah wahana ( <i>tools</i> ) yang digunakan?
Masa	Aktiviti			
	<p>sebagai lakaran isi cerita.</p> <p>Guru meminta pelajar mengecam bahagian dalam plot cerita di mana dialog/konflik (permulaan cerita) mereka diambil.</p> <p>Guru membimbing pelajar cara untuk memastikan konflik yang dipilih dalam permulaan karangan mereka sesuai dengan isi cerita keseluruhannya.</p>	<p>cerita.</p> <p>Pelajar dapat mengenalpasti dan menandakan bahagian plot cerita di mana konflik dalam permulaan cerita diambil.</p>	<p>Guru memainkan peranan sebagai fasilitator dan memantau serta memberi komen berdasarkan hasil kerja pelajar.</p>	<p>dikemukakan.</p> <p>Kesesuaian konflik yang digunakan dalam permulaan cerita dengan keseluruhan plot cerita dinilai oleh guru.</p>
15 minit	<p><b>Langkah 3</b></p> <p>Guru memilih hasil kerja beberapa pelajar (yang berbeza dari segi mutu) untuk dijadikan contoh.</p> <p>Guru mendapatkan pendapat pelajar lain tentang keberkesanan konflik itu menyokong keseluruhan isi cerita.</p>	<p>Pelajar dapat membezakan konflik yang bermutu dengan yang tidak.</p> <p>Pelajar dapat membaiki permulaan/konflik dalam cerita mereka.</p>	<p>Guru memilih hasil kerja pelajar yang bermutu untuk menunjukkan bagaimana teknik ini dapat digunakan dengan berkesan.</p>	<p>Guru menilai pelajar melalui respons yang diberikan terhadap hasil tugas rakan mereka. Guru mengutarakan soalan untuk mengukuhkan pemahaman pelajar.</p> <p>Guru menilai pelajar berdasarkan jalan cerita yang dirancang dan kaitannya adegan konflik</p>

Aktiviti Pembelajaran dan Soalan-soalan guru		Reaksi pelajar yang dijangkakan	Sokongan guru(soalan susulan sebagai panduan terhadap pembelajaran pelajar)	Penilaian Bagaimanakah penilaian dilakukan?Apakah wahana ( <i>tools</i> ) yang digunakan?
Masa	Aktiviti			
				di permulaan cerita.
5 minit	<p><b>Penutup</b></p> <p>Guru membuat rumusan terhadap isi utama pengajaran dan pemerhatian guru terhadap hasil tugas pelajar.</p> <p>Sebagai lanjutan, pelajar menghasilkan karangan berdasarkan lakaran cerita &amp; permulaan cerita yang telah dihasilkan dalam Pelajaran 1 &amp;</p>	<p>Pelajar memahami penggunaan suspens yang berkaitan dengan keseluruhan cerita.</p> <p>Pelajar dapat menghasilkan karangan yang menarik menggunakan teknik yang telah diajar.</p>	Latihan Karangan	Pelajar dapat menghasilkan karangan yang menarik dan sesuai tajuk.